

## Orang asli masih perlukan keperluan asas

**GUA MUSANG** – Orang asli di Kuala Koh masih memerlukan beberapa keperluan asas untuk meneruskan kehidupan mereka.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, antara keperluan yang disarankan dan boleh disumbangkan orang awam dan NGO ialah makanan dan kit kebersihan.

"Antara makanan yang diperlukan seperti beras, roti, gula, kopi, susu krimer, air mineral, kit kebersihan, selimut, kain pelekat, selipar, pengetip kuku dan ubat-ubatan.

"Bantuan boleh disalurkan ke Pusat Pengumpulan Bantuan Awam, Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PCTK) Felda Aring 10, Gua Musang atau Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Gua Musang," katanya pada sidang akbar di pusat operasi Kuala Koh di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-

Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Saifuddin Nasution; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy dan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, Dr Wan Azizah juga memberitahu, pusat pemindahan sementara di bekas Kem Pusat Latihan Khidmat Negara, Etnobotani, Gua Musang telah disediakan untuk menempatkan orang asli yang sudah keluar dari hospital.

"Namun pergerakan mereka perlu dikawal kerana siasatan penyakit belum dikeluarkan.

"Anggaran awal penempatan di pusat pemindahan sementara ialah 50 orang. Jumlah maksimum yang boleh kita tempatkan ialah 400 orang.

"Selain daripada pendidikan kesihatan, sesi kaunseling juga diberikan kepada penduduk dan petugas bagi mengurangkan tekanan dan keresahan," katanya.



Dr Wan Azizah (kanan) menyampaikan bantuan kit makanan kepada masyarakat orang asli di Kuala Koh.